

18/04/2001

Kapsul masa UIAM jadi tumpuan majlis perasmian

KUALA LUMPUR, Selasa - Kapsul masa mengandungi beberapa dokumen penting mengenai Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan amanat terpilih, adalah antara ciri menarik majlis perasmian universiti itu di kampus induknya di Gombak dekat sini, hari ini.

Kapsul itu yang akan dibuka pada 17 April 2101, diserahkan oleh Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian menyerahkannya kepada Rektor UIAM, Profesor M Kamal Hassan untuk diletakkan di dalam satu tempat khas di depan pintu masuk dewan utama UIAM.

Sebelum itu, perasmian UIAM diadakan dalam suasana penuh bersejarah dan gilang-gemilang, dengan Perdana Menteri yang menjadi tetamu kehormat diiringi kira-kira 50 pelajar UIAM menunggang motosikal Kriss Modenas ketika memasuki kawasan UIAM hingga sampai ke dewan utama universiti itu.

Turut serta memeriahkan majlis bersejarah itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Sanusi dan Kamal.

Delegasi luar negara yang turut serta termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Abdelouahed Belkeziz dan Setiausaha Agung Kesatuan Universiti Negara Islam (FIUW), Dr Abdulaziz Othman Altwajiri.

Upacara bermula dengan ucapan Kamal yang menyentuh mengenai sejarah dan pencapaian dalam usia muda 18 tahun. UIAM ditubuhkan pada Mei 1983.

"Selepas 18 tahun, UIAM kini dirasmikan oleh pengasasnya sendiri iaitu Perdana Menteri dan saya serta pelajar amat berbangga dan sungguh terharu dengan kesudian beliau merasmikan universiti ini," katanya.

Beliau berkata, perasmian universiti itu dilakukan agak lewat kerana UIAM hanya mempunyai kampus induk tetap di sini yang siap dibina pada 1999.

Kampus induk UIAM di Gombak terletak di kawasan seluas 272 hektar. Sebelum itu, pembelajaran diadakan di kampus sementara di Petaling Jaya.

UIAM yang berkonsepkan Taman Ilmu dan Budi, kini mempunyai kira-kira 16,000 pelajar dan 5,300 daripadanya adalah pelajar matrikulasi. Jumlah pelajar antarabangsanya pula ialah kira-kira 1,500 orang dari 96 negara.

Universiti itu mempunyai sembilan fakulti yang lebih dikenali sebagai 'Kulliyah'. Antaranya ialah Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim; Kulliyyah Sains Pentadbiran dan Ekonomi dan Kulliyyah Perubatan di cawangannya di Kuantan.

Dalam majlis yang sama, Tabung Wakaf UIA menerima sumbangan korporat berjumlah kira-kira RM5.4 juta.

Antara penyumbang utama kepada tabung itu ialah Celcom (M) Sdn Bhd sebanyak RM5 juta. Sumbangan disampaikan Naib Presiden Eksekutif Kumpulan TRI/Celcom, Bistamam Ramli dan Bank Rakyat sebanyak RM50,000 diserahkan oleh Pengerusinya, Dr Norraesah Mohamad.

Sementara itu, sekumpulan pelajar universiti menyerahkan memorandum mengandungi tiga hasrat mahasiswa negara kepada Dr Mahathir, sebelum Perdana Menteri meninggalkan majlis.

Antara kandungan memorandum itu ialah pandangan mahasiswa mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 (RRJP 3), penghapusan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975

(AUKU).

(END)